

# Buru tali barut nelayan asing

UAm 28/7/2022 ms:12

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Penglibatan individu tempatan yang menjadi tali barut kepada nelayan asing perlu diburu habis-habisan atas tindakan mereka membengkar penjenayah lautan itu menceroboh perairan negara.

Menegaskan perkara itu kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Laksamana Maritim Datuk Mohd. Zubil Mat Som berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan wujudnya persengkongan itu dan ia dalam radar pemantauan agensi berkenaan.

Menurut beliau, ini memandangkan penguatkuasaan Maritim Malaysia hanya melibatkan tangkapan bot dan warga asing berkaitan kesalahan pencerobohan perairan negara di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

"Buat masa sekarang kes tangkapan yang melibatkan nelayan atau bot tempatan tidak ada dalam rekod, namun tidak mustahil ada penglibatan mereka, cuma kita masih memantau dan mengumpulkan maklumat itu ini."

"Pada masa sama, Maritim Malaysia terus memantau kawasan panas yang dikenal pasti dan menguatkuasakan undang-undang semasa jika negara-negara terlibat masih meneruskan aktiviti mereka di kawasan perairan negara Zon Ekonomi



**MOHD. ZUBIL MAT SOM (KANAN) MENINJAU EMPAT BOT NELAYAN VIETNAM YANG DITAHAN MENERUSI OP KUDA LAUT SIRI 3/2021 KERANA MENCEROBOH PERAIRAN NEGARA.** - UTUSAN/PUQTRA HAIRY ROSLI

Eksklusif (ZEE)," katanya di sini semalam.

Mohd. Zubil berkata, sejumlah 678 bot melibatkan 6,189 nelayan asing ditahan Maritim Malaysia dalam tempoh lima tahun sejak 2017 dengan nilai rampasan berjumlah hampir RM1.02 bilion.

Kata beliau, tangkapan itu melibatkan negara-negara yang bersempadan perairan Malaysia dengan nelayan Vietnam paling

ramai ditahan iaitu 5,617 melibatkan 567 buah bot dari negara berkenaan.

Ini diikuti Indonesia berjumlah 349 nelayan melibat 71 buah bot ditahan, China (142 nelayan, 13 bot); Thailand (56 nelayan, 35 bot); Taiwan (10 nelayan, 2 bot); Filipina (8 nelayan); Myanmar (6 nelayan); Kemboja (1 nelayan).

Beliau turut mendedahkan, modus operandi pencerobohan

yang dikenal pasti adalah bot nelayan asing akan membuat penyamaran sebagai bot nelayan tempatan dengan menukar nombor pendaftaran supaya dari jauh kelihatan seperti bot tempatan.

Katanya, mereka juga akan memalsukan dokumen bot berkaitan dengan kebenaran menangkap ikan di kawasan Malaysia dan awak-awak asing.